

Headline	6 graduan terima Pingat Tunku Yayasan Tunku Abdul Rahman		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	15 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	173,387
Page No	27	Readership	699,000
Language	Malay	ArticleSize	300 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,984
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,952



6 graduan terima Pingat Tunku Yayasan Tunku Abdul Rahman

PUTRAJAYA 14 April - Enam graduan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang cemerlang dalam pencapaian akademik menerima anugerah Pingat Tunku 2012 dan 2013 dalam satu majlis khas di sini, hari ini.

Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, penganugerahan oleh Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR) itu bertujuan memartabatkan kecemerlangan pendidikan tinggi negara.

"Anugerah Pingat Tunku ini telah diperkenalkan pada 1979 dengan ditawarkan kepada graduan ijazah sarjana muda cemerlang yang memperoleh kepujian kelas pertama.

"Seseorang graduan mestilah mencapai Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) minimum 3.80, dan sangat aktif serta mencapai kecemerlangan dalam bidang kokurikulum sepanjang pengajiannya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan majlis penyampaian anugerah tersebut di sini.

Dalam majlis tersebut pemenang pingat emas untuk sesi 2012 dianugerahkan kepada graduan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

(UIAM) dalam bidang ekonomi, Ahmad Zaim Azizool Arif, 25, yang menerima emas seberat 32 gram beserta wang tunai bernilai RM5,000.

Pingat perak dianugerahkan kepada graduan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Shahza-

da Khan Nawab Khan, 26 manakala pingat gangsa diberikan kepada graduan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Projek, Universiti Malaysia Pahang, Kanchana Munisamy, 26.

Masing-masing penerima membawa pulang emas seberat 32 gram dan wang tunai bernilai RM3,000 serta RM1,000.

Pemenang pingat emas untuk sesi 2013 pula dianugerahkan kepada graduan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dalam bidang perubatan dan pembedahan, Azmad Kareem Anwardeen, 26.

Pingat perak dianugerahkan kepada graduan Ijazah Sarjana Muda Bahasa Inggeris untuk Komunikasi Professional, Universiti Teknologi Mara, Maisarah Ahmad Kamil, 22, manakala pingat gangsa diberikan kepada graduan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mikroelektronik Universiti Malaysia Perlis, Umahwathy Sundararaju, 26.



IDRIS Jusoh (tengah) bersama enam Penerima Anugerah Pingat YTAR (dari kiri) Umahwathy Sundararaju, Maisarah Ahmad Kamil, Azmad Kareem Anwardeen, Ahmad Zaim Azizool Arif, Shahzada Khan Nawab Khan dan Kanchana Munisamy di Putrajaya, semalam. - UTUSAN/RASHID MAHFOF